

NO. SOALAN : 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 30.11.2017 (KHAMIS)

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengawal pembelian petrol dan diesel yang menggunakan tong atau bekas dengan kuantiti yang banyak serta memantau pembelian yang dibuat oleh kanak-kanak di bawah umur.

81

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah mengadakan kawalan yang ketat ke atas pembelian dan penyimpanan bahan api diesel dan petrol. Stesen minyak serta pemborong diesel dan petrol adalah tidak dibenarkan untuk menjual petrol dan diesel di dalam tong atau bekas yang melebihi 10 liter melainkan dengan suatu permit atau kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Kementerian ini di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Sehubungan itu, permit atau kebenaran bertulis hanya dikeluarkan kepada syarikat atau individu yang layak dan mengikut keperluan penggunaan sahaja seperti untuk tujuan persendirian, pembinaan, pertanian, pembuatan dan industri berasaskan barang kawalan berjadual. Pelanggaran kepada mana-mana syarat yang terkandung di dalam Permit Barang Kawalan Berjadual boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Setakat ini, Kementerian tidak pernah mengeluarkan permit atau kebenaran bertulis untuk pembelian bahan api diesel dan petrol kepada kanak-kanak di bawah umur. Bagaimanapun, Kementerian akan sentiasa memastikan permit atau kebenaran bertulis hanya dikeluarkan kepada syarikat atau individu mengikut keperluan penggunaan sahaja.